

# PPKI SMK Mutiara Bakal Miliki Bangunan Sendiri



**Labuan** – Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di SMK Mutiara bakal memiliki bangunan sendiri tidak lama lagi. Demikian seperti yang dimaklumkan hasil lawatan Pengarah Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia, Datuk Dr. Yasmin binti Hussain pada 30 Jun yang lalu.

Lawatan tapak bangunan baharu tersebut turut disertai oleh Jurutera Kanan JKR Labuan, Encik Henry Liew. Beliau turut memberi taklimat pelan lantai pelaksanaan projek yang akan dikendalikan sepenuhnya oleh pihak JKR.

Bangunan tersebut dijangka akan memiliki 10 bilik darjah serta kemudahan-kemudahan lain termasuk bilik dobi, ruang memasak dan tempat letak kereta.

Hasil daripada maklumbalas taklimat tersebut, beberapa cadangan penambahbaikan terhadap pelan sedia ada dibuat dengan mengambilkira keperluan murid-murid PPKI. Selain itu laluan berbumbung dari bangunan baharu ke kantin sekolah turut diusulkan untuk memberi keselesaan kepada murid-murid PPKI kelak.

*“Pelan lantai bangunan akan dimuktamadkan secepat mungkin bagi membolehkan projek dapat dilaksanakan secepat mungkin” kata Encik Henry.*



Encik Henry Liew sedang memberi penerangan kepada Datuk Dr. Yasmin

Dalam sesi lawatan itu juga, Datuk Dr. Yasmin turut meninjau kemudahan sedia ada di bangunan yang menempatkan murid-murid PPKI. Ini termasuklah satu unit kuarters guru yang digunakan sebagai bilik PdP bagi kemahiran memasak dan mendobi.

*“Kita akan berusaha untuk mempercepatkan pembinaan bangunan baharu namun perancangan mesti teliti. Pihak*

kami telah mengenalpasti beberapa aspek yang perlu dinilai semula berdasarkan pengalaman-pengalaman di negeri lain. Kita yakin bangunan baharu nanti akan memberi lebih banyak kemudahan dan keselesaan murid-murid PPKI pada masa akan datang" ujar Dr. Yasmin.

Pengetua sekolah, Encik Mohd Nizam bin Yasim berkata pihak sekolah mengucapkan terima kasih atas kunjungan Bahagian Pendidikan Khas yang telah diketuai sendiri oleh pengarah bahagian.

"Saya berharap agar bangunan baharu ini akan menjadi kenyataan dalam jangkamasa terdekat. Ini adalah kerana keadaan bilik-bilik PdP sekarang ini kurang kondusif kerana menumpang di lokasi-lokasi mengikut kekosongan. Hal ini telah memberi impak yang kurang baik kepada 55 orang murid PPKI dari aspek kemenjadian murid" katanya lagi.



Tandatangan lawatan Kerja Rasmi oleh Datuk Dr Yasmin ke PPKI SMK Mutiara, diperhatikan oleh Encik Mohd Nizam. Pihak sekolah turut menyampaikan empat biji buah naga sebagai cenderamata kenangan kepada Datuk Dr. Yasmin. Buah naga tersebut adalah hasil daripada program perkebunan murid-murid PPKI sejak sekian lama. Terdapat kira-kira 105 pokok buah naga di persekitaran sekolah.

Turut serta dalam sesi lawatan tersebut ialah Pemangku Pengarah Pendidikan W.P. Labuan, Encik Yusup bin Mohamad dan KPP Pendidikan Khas Jabatan Pendidikan W. P. Labuan, Puan Noraini binti Sabudin.

**Berita Oleh : SMK Mutiara**